



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

PERSAUDARAAN UMMAH DEMI KESEJAHTERAAN GAZA

Tarikh Dibaca:

**8 SYAABAN 1446H /
7 FEBRUARI 2025**

**Disediakan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جامعة إسلام ملaysia
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PERSAUDARAAN UMMAH DEMI KESEJAHTERAAN GAZA

7 FEBRUARI 2025 / 8 SYAABAN 1446H

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَعُوذُ بِاللَّهِ مَا أَسْتَطَعْتُ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ ثُرَّهُبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوُّكُمْ
وَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوْفَقُ
إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦﴾ الأنفال: ٦

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Suka untuk saya mengingatkan saudara-saudara sekalian agar tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan berhentilah dahulu dari bermain telefon bimbit. Dengar dengan tekun khutbah yang saya akan sampaikan pada hari ini. Mudah-mudahan ia membawa banyak pengajaran kepada kita semua. Khutbah pada hari ini bertajuk: “Persaudaraan Ummah Demi Kesejahteraan Gaza”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIH SEKALIAN,

Konsep persaudaraan ummah Islamiyah merupakan salah satu ajaran Islam yang paling utama. Dorongan al-Quran terhadap penghayatan ajaran ini amat meluas, misalnya Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat 10:

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَجُوا فَاصْبِرُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ﴾
١٠

Maksudnya: “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”.

Pedoman Ilahi ini menjelaskan kepada kita akan hakikat hubungan persaudaraan ummah berteraskan prinsip keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT. Sesungguhnya setiap orang yang beriman, tidak kira asal-usul keturunan, warna kulit dan lokasi daerah geografinya, merupakan saudara antara satu dengan yang lain.

Semangat persaudaraan ummah yang diterapkan oleh ajaran Islam ini mengandungi makna yang amat besar dan ia boleh diumpamakan seperti sebuah Keluarga Ummah yang besar.

Sebagai sebuah keluarga besar, ummah Islamiyah mestilah saling mengambil tahu, berkepedulian dan saling membantu serta bertolongan antara satu dengan lain sepanjang menjalani kehidupan dan membina ketamadunan ummah di dunia ini.

Semangat bekerjasama dan bertolongan sesama ummah Islamiyah telah dipertegaskan lagi oleh al-Quran sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah :

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِيمَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾
٢٤

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)”.

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dalam hubungan yang sama, Nabi Muhammad SAW juga telah menganjurkan umat Islam agar saling bergandingan memperkuatkan persaudaraan ummah. Keluarga besar Ummah Islamiyah ini diumpamakan oleh Rasulullah SAW seperti sebuah jasad. Hadis yang diriwayatkan oleh Nu'man bin Basyir RA bahawa Nabi SAW bersabda:

مَثْلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاوُفِهِمْ مَثْلُ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضُوٌ،
تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحَمْى

Maksudnya: “Perumpamaan orang mukmin dalam sikap saling mencintai, mengasihi dan menyayangi seumpama tubuh. Jika satu anggota tubuh sakit, maka anggota tubuh yang lain akan susah tidur atau merasakan demam”. (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

Begitulah keindahan ajaran agama Islam yang menekankan semangat persaudaraan ummah serta mendorong para penganutnya memperkuuh dan memperteguhkan amalan saling bekerjasama dan bertolongan sesama ummah.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Mutakhir ini, ummah Islam dalam tempoh kedukaan dan kesedihan mengenang nasib umat Islam di bumi Gaza, Palestin yang telah ditimpa tragedi perperangan panjang sejak 7 Oktober 2023 yang mengorbankan seramai 46,000 nyawa.

Marilah kita mengucapkan syukur, alhamdulillah, kerana konflik yang telah mengorbankan ramai nyawa itu serta kemasuhan harta benda yang dahsyat telah tamat baru-baru ini menerusi gencatan senjata pada 19 Januari 2025 yang lalu.

Sesungguhnya kekejaman rejim Zionis terhadap Gaza amat dahsyat, pilu dan menyayat hati. Menurut Pejabat Penyelaras Hal Ehwal Kemanusiaan (OCHA) PBB pada 28 Januari yang lalu, sebanyak 69% peratus struktur bangunan di seluruh Gaza telah musnah.

Dalam aspek pendidikan, sebanyak 88% peratus iaitu 496 daripada 564 buah sekolah dan 51 buah universiti di Gaza musnah dan memerlukan pembinaan semula sepenuhnya atau

pemulihan besar. Bagi sektor kesihatan, badan PBB itu turut melaporkan bahawa sebanyak 50% peratus iaitu 18 daripada 36 buah hospital di Gaza hanya dapat berfungsi sebahagian, manakala 11 buah hospital lapangan berfungsi, termasuk lapan (8) secara penuh dan 49 sebahagian.

Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Agama Palestin pula melaporkan bahawa sebanyak 815 buah masjid di Gaza telah musnah sepenuhnya dan 151 buah rosak sebahagiannya.

Begitulah antara data terkini kemasuhan yang sedang dialami oleh umat Gaza hari ini dan telah memberi impak yang sangat besar kepada kehidupan rakyat Palestin di Gaza. Sebagai sebuah keluarga besar ummah Islamiyah, kita mesti mengambil tahu dan meningkatkan rasa peduli terhadap perkembangan dan situasi yang terjadi dalam kehidupan umat Islam di seluruh dunia khususnya permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam di Gaza mutakhir ini.

Inilah tanggungjawab kita sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar *radhiyallahu anhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ
وَمَنْ فَرَجَ عَنِ الْمُسْلِمِ كُبْرَةٌ فَرَجَ اللَّهُ عَنْهُ كُبْرَةٌ مِّنْ كُبَابِتِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “Seorang Muslim ialah saudara terhadap Muslim (yang lain), dia tidak boleh menganiaya dan tidak akan dianiaya oleh orang lain. Sesiapa yang melaksanakan hajat saudaranya, maka Allah SWT akan melaksanakan hajatnya. Sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang Muslim, maka Allah SWT akan melapangkan kesukarannya pada hari kiamat”. (**Hadith riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim**)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Alhamdulillah, negara kita sejak dahulu lagi antara yang konsisten dan terkedepan dalam usaha membela nasib dan perjuangan rakyat Palestin. Sejajar dengan semangat persaudaraan ummah dan tanggungjawab kemanusiaan sejagat, pihak kerajaan telah mengumumkan hasrat dan komitmen untuk bergandingan dengan Jepun serta negara-negara lain di peringkat antarabangsa dalam inisiatif pembangunan semula Gaza.

Pada peringkat awal ini, kerajaan berhasrat untuk menyumbang bagi pembinaan sekolah, hospital dan masjid di Gaza. Menerusi sumbangan ini, ia diharapkan akan dapat membantu mengatasi beban dan krisis kemanusiaan yang sedang dihadapi oleh rakyat Palestin ini.

Program bantuan bagi pembangunan sekolah, hospital dan masjid ini memerlukan penglibatan dan sokongan dari seluruh rakyat Malaysia termasuk agensi kerajaan, sektor korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Seluruh umat Islam dianjurkan dan digalakkan turut bersama bersolidariti menerusi program pembangunan Gaza ini sebagai satu bentuk penterjemahan semangat persaudaraan dan kesatuan ummah Islamiyah. Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi menyelaraskan secara teratur dan bertanggungjawab sumbangan oleh umat Islam di negara ini demi menjayakan aspirasi kerajaan menerusi program yang amat mulia ini.

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Justeru sebagai penutup, beberapa kesimpulan yang saya boleh tinggalkan untuk hari ini;

Pertama: Sesungguhnya umat Islam adalah bersaudara. Menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk sentiasa peka, bersikap peduli dan bertolongan antara sesama Muslim bersandarkan semangat ukhwah Ummah Islamiyah.

Kedua: Umat Islam diseru berganding bahu dan berkerjasama dalam meringankan beban kehidupan yang sedang ditanggung oleh umat Islam di Gaza mutakhir ini menerusi program bantuan pembinaan Gaza.

Ketiga: Iltizam kita dalam membangun semula Gaza merupakan jihad penyatuan ummah tanpa mengira perbezaan pandangan, mazhab atau pendirian politik.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 15:

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الْصَادِقُونَ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعُنِي وَأَيَاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِيلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقْعِيَةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: ﴿إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلٰى
النَّبِيِّ يَتَآلِيهَا الْذِينَ ءاْمَنُوا صَلُوأَعَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللّٰهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرْ مِنْهَا
مُولِيَا سَرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدَا يُعَثِّرْ دَفْرَتُوانَ اكْنُوَغْ سُلْطَانَ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرْ مِنْهَا مُولِيَا سَرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدَا رَاجِ فَرْمَا يُسُورِيِّ اكْنُوَغْ، رَاجِ
زَارِيَّتْ صُوفِيَّاهُ.

اللّٰهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوزَرَاءَهُ وَقُضاةَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعْزِزِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلَى كَلِمَتَكَ إِلَيْ يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha Berkuasa. Ya Allah! Perbaiklah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَنَ وَإِيتَاهُ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.